

MAHATHIR - DEBAT 1984

KUALA LUMPUR, 24 OKT. (BERNAMA) --BIROPOLITIK UMNO AKAN BERMESYUARAT JUMAAT INI UNTUK MEMBINCANGKAN, ANTARA LAIN, DEBAT UMNO-PAS YANG AKAN DISIARKAN SECARA LANGSUNG OLEH TELEVISYEN MALAYSIA PADA 11 NOV. INI, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

PERDANA MENTERI YANG JUGA Pengerusi Biro tersebut tidak menolak kemungkinan nama dua orang tokoh UMNO yang dipilih oleh Biro Agama Partisemalam untuk menyertai perdebatan itu akan disahkan dalam mesyuarat itu.

+ SAYAK MENGADAKAN MESYUARAT BIRO POLITIK ITU BUKAN SAHAJA KERANA ISU DEBAT TETAPI BERMACAM-MACAM MASALAH LAIN YANG PERLU DIBINCANG, + TAMBAHNYA KEPADA BERNAMA SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MINGGUAN KABINET DI PEJABATNYA.

"DR. MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA BELIAU MASIH BELUM MENERIMA NAMA DUA ORANG TOKOH ITU YANG MENURUT Pengerusi Biro Agama UMNO, DATUK AMAR HAJI WAN MOKHTAR SEMALAM AKAN DISERAHKAN KEPADANYA DALAM MASA SEHARI DUA LAGI.

PERDANA MENTERI MEMBAYANGKAN BELIAU AKAN MENGUMUMKAN NAMA DUA ORANG PEMIMPIN BERKENAAN SETELAH UMNO MENYERAHKAN DENGAN RASMI KEPADA KEMENTERIAN PENERANGAN NAMA TIGA ORANG TOKOH YANG AKAN MENGAMBIL BAHAGIAN PADA 31 OKT. INI -- TARIKH AKHIR PENERIMAAN YANG TELAH DITETAPKAN.

SAYA AKAN UMUMKAN NAMA-NAMA ITU SESUDAH KITA (UMNO) MENENTUKANNYA... PERKARA INI BUKAN BEGITU BESAR SAMPAI SAYA KENA JAWAB BERKENAAN DENGAN DEBAT INI SEHINGGA TIDAK ADA PERKARA LAIN, + TEGASNYA SEMASA DITANYA SAMADA BELIAU AKAN MEMPERSETUJUI NAMA-NAMA YANG DIPILIH OLEH BIRO AGAMA UMNO SEMALAM.

DATUK WAN MOKHTAR YANG JUGA MENTERI BESAR TERENGGANU TELAH MENYATAKAN TOKOH-TOKOH YANG DIPILIH MERUPAKAN ORANG-ORANG YANG BERPENGETAHUAN LUAS DALAM ISLAM DAN PENTADBIRAN. MEREKA JUGA TERDIRI DARIPADA ANGGOTA JAWATANKUASA BIRO AGAMA DAN PEMIMPIN UMNO.

DR. MAHATHIR MINGGU LALU MENGUMUMKAN BAHAWA DATUK WAN MOKHTAR DIPILIH UNTUK MENGETUAI PASUKAN UMNO DALAM DEBAT ITU.

SEHINGGA INI PEMIMPIN UMNO YANG DISEBUT-SEBUTKAN AKAN MENGAMBIL BAHAGIAN TERDIRI DARIPADA KETUA PEMUDA UMNO, ENCIK ANWAR IBRAHIM DAN TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI, DR. YUSOF NOOR.

ENCIK ANWAR YANG DITEMUI SELEPAS MESYUARAT KABINET HARI INI BERKATA BELIAU SENTIASA BERSEDIA UNTUK MENGAMBIL BAHAGIAN SEKIRANYA PERDANA MENTERI MEMILIHNYA.

DR. MAHATHIR ENGGAN MENGULAS KETIKA DITANYA SAMADA PAS CUBA BERDALIH DENGAN MENJADIKAN ISU MASA CUMA SATU JAM DITETAPKAN BAGI MASA SIARAN DEBAT SEBAGAI SATU HELAH UNTUK TIDAK MENYERTA DEBAT ITU.

OLEH KERANA MASA YANG SINGKAT ITU PAS TELAH MENGUMUMKAN AKAN MENGELUARKAN SATU BUKU UNTUK MENGHUJIAH KES PARTI MENGENAI TAJUK DEBAT + PAS MENDAKWA ANGGOTA-ANGGOTA UMNO KAFIR DAN BARANG SIAPA YANG MENENTANGNYA, JIKA MATI, ADALAH MATI SYAHID +.

DR. MAHATHIR MENJAWAB : + ITU CUMA DIA YANG TAHU DAN ITU SOAL DIA. + -- BERNAMA